

UCAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI  
PULAU PINANG SEMPENA PELANCARAN RUKUN  
TETANGGA SEKTOR BUKIT GELUGOR PADA  
14HB OGOS, 1977 JAM 5.00 PETANG DI  
PUSAT SEKTOR, LEBOH BINGHAM, P.PINANG

\*\*\*\*\*

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa,

Setiausaha Kerajaan,

Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut,

Yang Berhurmat-Yang Berhurmat,

Tuan-tuan dan penduduk-penduduk Sektor Rukun  
Tetangga Sektor Bukit Gelugor.

Saya ucapkan terima kasih kepada  
Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Rukun  
Tetangga Sektor Bukit Gelugor kerana sudi  
menjemput saya untuk meresmikan Upacara  
Perlaksanaan Kawalan Rukun tetangga Sektor  
ini. Ini merupakan sektor Rukun Tetangga  
yang ke 20 yang dilancarkan di Negeri Pulau

Pinang. Saya percaya daripada inisiatif yang telah ditunjukkan oleh pihak Jawatankuasa ini, akan membolehkan sektor tuan memainkan peranan yang berkesan di Sekim Rukun Tetangga di Negeri ini.

2. Dengan penubuhan Sekim Rukun Tetangga di Bukit Gelugor, keseluruhan kawasan Bukit Gelugor ini akan diliputi dengan operasi Rukun Tetangga. Jadi sektor-sektor Rukun Tetangga Bukit Gelugor, Guan Joo Seng, Minden Heights, Island Park dan Island Glade bersama-sama akan menjadikan sebuah kawasan di bawah Operasi Sekim Rukun Tetangga. Ini adalah satu perkembangan yang baik dan menunjukkan

bahawa penduduk-penduduk di kawasan ini benar-benarnya berazam untuk mencapai sebuah masyarakat yang berdikari di mana Yang Amat Berhurmat Perdana Menteri kita Datuk Hussein Onn telah menyeru kepada rakyat kita.

3. Sepertimana tuan-tuan mengetahui, bahawa penubuhan Sekim Rukun Tetangga oleh Kerajaan bermula selepas permintaan oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut dibuat untuk sekim ini supaya membolehkan mereka mengembangkan organisasi masyarakat yang kukuh demi memberi lebih keselamatan dikawasan mereka.

4. Untuk mencapai objektif-objektif Rukun Tetangga, adalah mustahak bahawa Pengerusi

dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan tuan-tuan mesti sanggup bekerja rapat dengan penduduk di sektor tuan-tuan pada setiap masa. Ini akan merintis ke arah perkembangan yang lebih baik terhadap persefahaman dan perhubungan diantara jiran dengan adanya kerjasama rapat diantara penduduk. Juga dengan perhubungan dan persefahaman yang erat diantara jiran-jiran dan penduduk-penduduk di kawasan pada keseluruhannya, akan menambahkan lagi kekuatan dan organisasi dimana dapat membolehkan tuan-tuan untuk membuat sesuatu demi menjadikan kawasan Bukit Gelugor lebih selamat dan bahagia.

5. Kerajaan akan terus menyokong penubuhan sekim-sekim Rukun tetangga diseluruh Negeri. Ini akan memberi rakyat kita dengan peluang-peluang untuk menyertai dengan sepenuhnya dalam usaha-usaha kerajaan untuk mengekalkan keselamatan keamanan dan kebahagian negara kita. Ini, pada khususnya bermakna sebuah masyarakat berdikari, adil dan saksama.

6. Kita mesti memperkenalkan konsep-konsep dan sikap baru apabila kita maju ke arah pembangunan socio-ekonomi dan kita mesti memperkembangkan lagi kesedaran sivik serta kewajipan social yang kukuh. Dengan bersama-sama bekerja serta menganjurkan mereka sendiri untuk kebaikan dan keselamatan

supaya dapat memperkuatkan lagi kehidupan mereka dan memastikan anak-anaknya dapat menikmati cara hidup yang lebih baik di masa hadapan.

7. Melalui kegiatan-kegiatan tuan dengan penubuhan Rukun Tetangga disini, tuan-tuan sekalian bukan sahaja membawa masyarakat tuan bersama-sama tampil kehadapan untuk kehidupan yang lebih baik tetapi tuan-tuan juga akan dapat mengekalkan lagi keamanan dan keselamatan di kawasan tuan-tuan. Tuan-tuan juga boleh memainkan peranan tuan dalam usaha-usaha keselamatan yang telah ditunjukkan oleh pasukan-pasukan keselamatan dan polis kita yang senantiasanya mempertahankan kita

daripada ancaman-ancaman anti national dan anti sosial. Memang benar, usaha-usaha tuan-tuan khususnya jika diselaraskan dengan tugas-tugas biasa pasukan polis akan menjadikan kawasan tuan-tuan bebas daripada jenayah yang senantiasa menyusahkan hidup seseorang suri rumah tangga. Serentak dengan itu tuan-tuan akan menolong polis untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan lagi.

3. Yang Amat Berhurmat Perdana Menteri kita Datuk Hussein Onn telah menitikberatkan betapa pentingnya seorang rakyat untuk melibatkan diri dengan sepenuhnya untuk menjunjung tinggi soal keselamatan negara sebagai salah satu matalamat asas bagi menjayakan pelaksanaan

Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan juga sedar bahawa rakyat kita perlu mengorbankan masa lapang mereka demi mencapai objektif untuk mengekalkan keselamatan negara kita. Sememangnya tujuan sekim Rukun Tetangga ini adalah untuk membina sebuah masyarakat yang berdikari yang dianggap sebagai satu corak hidup yang tetap bagi rakyat Malaysia dalam mengubahsuaikan corak perubahan zaman dan dengan hanya sikap berdikari ini maka satu keutuhan, kestabilan serta keselamatan dapat dijamin dengan sepenuhnya dengan bantuan-bantuan, sokongan daripada pihak keselamatan dan anggota awam.

9. Saya difahamkan bahawa dalam kawasan ini terdapat penyakit sosial seperti salahguna dadah. Perkara ini haruslah diberi perhatian yang serious kerana akibatnya akan menjelaskan bukan sahaja nama baik keluarga tetapi juga semangat kemasyarakatan setempat dan seterusnya kepada imej negara. Dengan demikian sukalah saya menarik perhatian tuan-tuan supaya dapat menolong mereka-mereka yang telah pun menjadi penagih-penagih dadah. Serentak dengan itu tuan-tuan mesti mengambil langkah-langkah yang positif untuk menghapuskan mereka yang mengedarkan dadah yang mana menjadi satu elemen melemahkan moral serta jenerasi muda di Sektor tuan-tuan. Tuan-tuan tidak mesti memberi sebarang belas kasihan kepada pengedar-pengedar

sebarang belas kasihan kepada pengedar-pengedar

- 10 -

dadah ini. Tuan-tuan mesti menghapuskan mereka seperti menghapuskan rumput-rumput racun.

10. Pelancaran Rukun Tetangga Sektor Bukit Gelugor ini tentu sekali akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk untuk saling kenal-mesra diantara satu sama lain, berganding bahu, mengawal keadaan keselamatan dan menjalankan tugas perundingan mengikut peraturan-peraturan perlu Rukun Tetangga 1975. Sektor atau Pusat Rukun Tetangga akan menjadi satu 'base' untuk maklumat-maklumat diterima dan disampaikan kepada penduduk-penduduk dan pondok ini akan menjadi sebagai pusat dimana segala masaalah

dan segala macam penghebahan dapat diselaraskan dan diselesaikan demi kebaikan sektor Bukit Gelugor.

11. Saya ingin memuji mereka yang telah menunjukkan keazaman dan minat mereka untuk tampil kehadapan secara tela hati, meluangkan masa, mengorbankan tenaga dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berlandaskan objektif-objektif Rukun Tetangga.

12. Memandangkan betapa ramainya penduduk-penduduk Sektor Bukit Gelugor yang telah berkumpul pada hari ini saya yakin bahawa tuan-tuan semua sebenarnya berazam untuk menjayakan Sekim Rukun tetangga Bukit Gelugor. Saya

mengucapkan selamat maju jaya dan berharap agar melalui usaha-usaha tuan-tuan yang dedikasi, sektor ini akan menjadi lebih selamat, aman dan seterusnya menyumbangkan kepada keselamatan negeri dan negara kita secara amnya.

Sekarang dengan sukacita dan rasa bangganya saya dengan resminya melancarkan kawalan sekim Rukun tetangga Sektor Bukit Gelugor ini. Terima kasih.